

Rosnah: Janji autonomi PKR di S'wak tak masuk akal
Malaysiakini.com
Disember 15, 2010

Ketua Puteri Umno Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin menyifatkan kenyataan Timbalan Presiden PKR Azmin Ali untuk memberi kuasa autonomi kepada Sarawak jika Pakatan Rakyat memerintah negara ini sebagai tidak berpijak di bumi nyata.

Katanya kenyataan itu hanya bertujuan mengelirukan rakyat khususnya penduduk Sarawak.

Ketua Puteri Umno, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin Rosnah berkata barisan pemimpin PKR kini sanggup membuat apa sahaja termasuk untuk meraih sokongan rakyat berikutan pelbagai masalah yang melanda parti itu termasuk berhadapan dengan krisis keyakinan terhadap barisan kepimpinan sedia ada.

"Janji-janji kosong yang ditawarkan pemimpin pakatan pembangkang termasuk yang terbaru untuk memberi kuasa autonomi kepada Sarawak amat tidak masuk akal," katanya dalam satu kenyataan.

Rosnah berkata Sarawak, yang diketahui kaya dengan hasil galian dan sumber alam semula jadi, tidak akan dilepaskan oleh PKR yang sememangnya menunggu untuk menguasai negeri-negeri yang mempunyai hasil yang banyak.

"Apa yang terjadi di Selangor sudah cukup untuk menyedarkan semua pihak bahawa kerajaan pakatan pembangkang yang diterajui PKR sangat tamak dan ingin menyapu bersih semua hasil yang ada di negeri itu," katanya.

Rosnah berkata beliau hairan kenapa Azmin tidak menjanjikan memberi wilayah autonomi kepada Pulau Pinang sebaliknya memilih Sarawak jika pakatan pembangkang memerintah.

"Adakah kerana takut dengan DAP, lantas beliau tidak menamakan Pulau Pinang, sebaliknya memilih Sarawak semata-mata untuk mengambil hati penduduk di negeri itu sedangkan kerajaan Barisan Nasional telah membangunkan Sarawak dari pelbagai aspek sehinggakan rakyat di situ sentiasa memilih BN sebagai pemerintah setiap kali pilihan raya diadakan," katanya.

- Bernama

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/150908>